

Hubungan Antara Motivasi dengan Pencapaian Akademik Pelajar di Kolej Komuniti

Puteri Nazlin Alamin Wan Zainal Alam*

Kolej Komuniti Arau, Jalan Tengku Budriah, Tambun Tulang 02600 Arau, Perlis.

ABSTRAK

Self-Determination Theory mengandaikan bahawa motivasi intrinsik adalah lebih tinggi dalam mempengaruhi pencapaian pelajar. Kajian ini bertujuan menguji sejauhmana kebenaran Teori SDT. Empat objektif kajian adalah: (i) mengenalpasti tahap motivasi intrinsik, motivasi ekstrinsik dan amotivation di kalangan pelajar, (ii) mengenalpasti tahap pencapaian akademik di kalangan pelajar, (iii) mengkaji hubungan antara motivasi intrinsik, motivasi ekstrinsik dan amotivation dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar dan (iv) menentukan perbezaan tahap pencapaian akademik di kalangan pelajar berdasarkan jantina. Seramai 50 responden pelajar Kolej Komuniti Arau yang dipilih secara stratified random sampling menjawab set borang soal selidik yang menggunakan alat ukur Academic Motivation Scale (AMS). Hasil tinjauan borang soal selidik mendapati bahawa motivasi intrinsik ($M = 5.70$, $SP = 0.70$) dan motivasi ekstrinsik ($M = 5.99$, $SP = 0.66$) berada pada tahap tinggi manakala amotivation ($M = 2.02$, $SP = 0.79$) berada pada tahap rendah. Tahap pencapaian akademik pelajar berada pada tahap Kepujian ($M = 3.66$, $SP = 0.21$). Ujian Korelasi Spearman mendapati bahawa tiada hubungan yang signifikan antara ketiga-tiga konstruk motivasi iaitu motivasi intrinsik ($k = 0.058$, $p > 0.05$), motivasi ekstrinsik ($k = 0.061$, $p > 0.05$) dan amotivation ($k = -0.013$, $p > 0.05$) dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar Kolej Komuniti Arau. Dapatan ujian-t sampel bebas mendapati bahawa tiada perbezaan yang signifikan antara pencapaian akademik di kalangan pelajar Kolej Komuniti Arau berdasarkan jantina, $t(48) = -1.605$, $p > 0.05$. Berdasarkan penemuan, kajian ini tidak menerima teori SDT sebaliknya merumuskan bahawa tinggi atau rendah pencapaian akademik pelajar tidak dipengaruhi oleh tahap motivasi semata-mata. Kajian mengesyorkan teori SDT diuji pada masa hadapan untuk meningkatkan kualiti pendidikan di Malaysia.

PENGENALAN

Pendidikan Teknikal dan Vokasional merupakan satu agenda negara yang penting pada masa kini di Malaysia di mana pelancaran Pelan Transformasi Pendidikan Vokasional telah dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 6 Januari 2012. Ia bertujuan meningkatkan nilai pasaran kerja pelajar dan seterusnya dapat melonjakkan pendidikan vokasional agar setaraf dengan negara maju. Pelancaran pelan ini membuktikan bahawa pendidikan vokasional di negara ini tidak lagi dianggap sebagai kelas kedua malah ia sebaliknya menuju ke arah konsep pendidikan untuk semua dengan berasaskan program bercorak pekerjaan. Transformasi pendidikan vokasional adalah laluan penting ke arah melahirkan modal insan yang relevan dengan keperluan semasa serta mampu menghadapi persaingan global (Muhyiddin Yassin, 2012). Selain itu, satu perjanjian persefahaman (MoU) juga telah ditandatangani antara Kementerian Pelajaran dengan 11 rakan strategik melibatkan pihak industri, agensi awam dan swasta serta institut pengajian tinggi awam dan swasta. Kerjasama ini dilihat amat penting bagi memantapkan lagi proses pembelajaran serta perkongsian teknologi dan kesepakaran. Ini juga dapat mengelakkan daripada berlakunya masalah ketidaksesuaian bidang pekerjaan antara industri dengan institut latihan kemahiran.

*Koresponden: kamon_chummy@yahoo.com

Oleh yang demikian, usaha Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) membantu pelajar yang tercicir dengan penawaran program di peringkat sijil adalah amat wajar bagi membangunkan pendidikan teknikal dan vokasional di tahap yang lebih tinggi. Sijil Kolej Komuniti (SKK) merupakan program sepenuh masa yang ditawarkan kepada pelajar selama dua tahun. Penekanan pembelajaran secara hands-on diberi kepada pelajar di mana fokus utama adalah bagi melengkapkan pelajar dengan ilmu dan kemahiran yang bersesuaian. Seajar itu, pihak Kolej Komuniti berusaha gigih dalam melahirkan modal insan yang berkualiti melalui pemberian latihan mengikut kerangka perancangan program SKK yang telah ditetapkan oleh pihak KPM bersama Jabatan Pengajian Kolej Komuniti (JPKK). Ini bertepatan dengan moto Kolej Komuniti iaitu 'Peneraju Komuniti Berilmu dan Berkemahiran' (Laman Web JPKK, 2013).

Usaha pihak Kolej Komuniti untuk melahirkan modal insan yang berkualiti ini perlu diterjemahkan melalui pengeluaran lulusan SKK yang memperoleh pencapaian akademik yang cemerlang. Ia diukur melalui Himpunan Purata Nilai Gred (HPNG) yang diperoleh pelajar setelah tamat program SKK berkenaan. Ini disokong melalui kajian Ryan dan Weinstein (2009) yang menyatakan bahawa alat ukur yang paling sesuai untuk menentukan pencapaian akademik pelajar dalam pendidikan ialah Purata Nilai Gred (PNG).

Namun begitu, terdapat juga hasil kajian Nurul Ain dan Azizi (2012) yang menyatakan bahawa hubungan motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar adalah sangat lemah. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian oleh Niehbur (1995) yang menyatakan bahawa motivasi pelajar tidak mempunyai kesan yang signifikan terhadap pencapaian akademik mereka. Walaubagaimanapun, hasil kajian Siti Liyana dan Mei (2008) agak mengejutkan kerana hasil dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi intrinsik dan ekstrinsik pelajar dengan pencapaian akademik. Ini menunjukkan walaupun tahap motivasi pelajar tersebut adalah tinggi tetapi ianya tidak berkaitan dengan pencapaian akademik mereka. Selain itu, dapatan kajian Miller (2003); Azrien dan Alwee (2009) juga melaporkan keputusan yang sama di mana tidak terdapat hubungan antara motivasi pelajar dengan pencapaian akademik. Dapatan-dapatan ini menggambarkan ketidaktekalan dapatan kajian berbanding teori motivasi SDT. Oleh itu, ketidaktekalan ini telah menimbulkan persoalan: Adakah terdapat hubungan antara motivasi intrinsik, motivasi ekstrinsik dan amotivation dengan pencapaian akademik pelajar apabila diuji terhadap pelajar di Kolej Komuniti Arau? Untuk menjawab persoalan ini, satu kajian lanjutan patut dilaksanakan.

OBJEKTIF

- i. Mengenalpasti tahap motivasi intrinsik, motivasi ekstrinsik dan *amotivation* di kalangan pelajar.
- ii. Mengenalpasti tahap pencapaian akademik di kalangan pelajar.
- iii. Mengkaji hubungan antara motivasi intrinsik, motivasi ekstrinsik dan *amotivation* dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar.
- iv. Menentukan perbezaan tahap pencapaian akademik di kalangan pelajar berdasarkan jantina.

Motivasi Intrinsik, Motivasi Ekstrinsik dan *Amotivation*

Pembolehubah bebas motivasi akan dikaji mengikut *Self-Determination Theory* (SDT). SDT telah diperkenalkan oleh Deci (1975), Deci dan Ryan (1985) yang membincangkan mengenai konstruk motivasi instrinsik adalah lebih signifikan terhadap pencapaian akademik berbanding konstruk motivasi ekstrinsik. Teori ini mencadangkan motivasi dapat dibahagikan kepada tiga konstruk iaitu motivasi instrinsik, motivasi ekstrinsik dan *amotivation*. Model motivasi ini dirujuk untuk memahami apakah faktor utama yang menyumbang kepada kewujudan motivasi di kalangan pelajar.

Pencapaian Akademik

Pembolehubah bersandar yang akan dikaji ialah berkenaan pencapaian akademik pelajar. Pencapaian akademik amat penting kerana Malaysia kini ke arah melahirkan sumber manusia yang terbilang. Misi untuk meletakkan keterbilangan Malaysia menjelang 2057 ialah dengan menghasilkan pelajar yang mempunyai pencapaian akademik yang cemerlang bagi melahirkan tenaga pakar di peringkat global. Ini adalah kerana mereka merupakan aset negara yang akan menyumbang kepada pembangunan negara pada masa akan datang (Abdullah Ahmad Badawi, 2008).

Definisi Operasional

Motivasi Intrinsik

Motivasi intrinsik adalah dilihat sebagai dorongan dalaman yang berorientasikan pertumbuhan proaktif dalam diri seseorang individu tersebut. Individu yang bermotivasi secara dalaman adalah secara semula jadi akan melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran dan pembangunan secara sukarela (Vansteenkiste, Lens dan Deci, 2006).

Motivasi Ekstrinsik

Motivasi ekstrinsik merupakan dorongan luaran (seperti ganjaran, pujian, gred) yang menggerakkan seseorang itu untuk melakukan sesuatu tingkah laku (Deci dan Ryan, 1991).

Amotivation

Amotivation merujuk kepada individu yang tidak dapat menjangkakan kesan hasil daripada tindakan mereka. Tingkah laku *amotivation* boleh ditemui dalam situasi di mana individu tiada motivasi instrinsik dan juga motivasi ekstrinsik (Deci dan Ryan, 1991).

Pencapaian Akademik

Pencapaian akademik pelajar diukur menggunakan pengiraan sistem kredit yang berasaskan kepada beban sebenar jam pembelajaran (*student learning time*) dan tidak lagi berasaskan jam kontak antara pensyarah dan pelajar (<http://www.mqa.gov.my/portal>, 2013).

KAJIAN LITERATUR

Terdapat banyak teori telah dikemukakan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu untuk menerangkan kesan faktor motivasi terhadap pencapaian seseorang sama ada dalam bidang perniagaan, ekonomi, pekerja dan juga di kalangan pelajar institusi pendidikan. Banyak kajian telah dibuat bagi menentukan yang manakah lebih memberi kesan positif dalam mempengaruhi motivasi seseorang, sama ada motivasi intrinsik atau motivasi ekstrinsik. Atas kepentingan bagi menentukan perhubungan di antara motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik ini, maka secara tidak langsung telah menyebabkan munculnya Teori Evolusi Kognitif "*Cognitive Evaluation Theory*". Teori Evolusi Kognitif (TEK) telah diperkenalkan oleh Deci dan Ryan pada tahun 1985. Melalui TEK telah menjelaskan bahawa ganjaran kawalan dan ganjaran informasi akan melemahkan tahap motivasi intrinsik (Ryan & Deci, 2000). TEK menjangkakan bahawa ganjaran informasi yang tidak berpadanan dengan kompetensi seseorang akan menjatuhkan motivasi intrinsik. Contohnya memberitahu seseorang akan mendapat tempat terakhir akan merendahkan tahap motivasi intrinsik. TEK juga menjangkakan bahawa ganjaran kawalan juga akan merendahkan tahap motivasi intrinsik. Contohnya anak-anak akan diberi wang jika

membersihkan bilik, maka tindakan ini akan melemahkan motivasi intrinsik anak terbabit kerana perubahan tingkah lakunya telah dikawal oleh ganjaran wang tersebut dan bukan disebabkan oleh keazaman diri (Wilson, 2006).

Namun begitu, Deci dan Ryan (1985; 1991) menyatakan bahawa *Self-Determination Theory* (SDT) merupakan teori motivasi yang paling komprehensif pada masa kini. Sehingga kini, terdapat banyak bukti kajian yang telah dijalankan menggunakan teori SDT ini di pelbagai peringkat akademik di negara-negara yang berbeza. Oleh kerana pengkaji memilih pembolehubah motivasi dalam tajuk kajian yang akan dijalankan di kalangan pelajar, maka teori ini difikirkan sesuai digunakan bagi menerangkan konstruk motivasi dalam kajian ini. Pembolehubah bersandar pula hanya diukur berdasarkan HPNG yang diperoleh pelajar.

Secara keseluruhannya, teori SDT menyatakan individu yang mempunyai *self-determination* akan melakukan aktiviti mereka dengan ikhlas yang mengikut kemahuan naluri diri mereka sendiri, tetapi perlakuan individu yang dikawal oleh sumber luaran adalah merujuk kepada pengaruh dari luar terhadap diri individu berkenaan. Daripada ketiga-tiga konstruk motivasi yang dikemukakan, SDT mengandaikan bahawa motivasi intrinsik adalah lebih tinggi dalam mempengaruhi pencapaian pelajar.

Sebagai contoh, kajian yang berkaitan motivasi adalah seperti kajian oleh Edward L. Deci, Richard Koestner and Richard M. Ryan (2001). Kajian ini dilaksanakan untuk melihat adakah kesan ganjaran luaran (*extrinsic reward*) menyebabkan motivasi dalaman (*intrinsic reward*) pelajar semakin menurun. Pengkaji mendapati kesan motivasi intrinsik terhadap faktor luaran seperti ganjaran, penilaian, ketetapan masa dan motivasi lain akan mempengaruhi tanggapan mereka terhadap kecekapan dan penilaian sendiri. Aktiviti yang dianggap memberi kemahiran yang tinggi kepada mereka mampu meningkatkan tahap motivasi intrinsik mereka, manakala jika aktiviti yang dilakukan oleh pelajar tidak merangsang minat mereka akan menjadikan pelajar tidak bermotivasi untuk terus melakukan tugas mereka. Pengkaji juga membincangkan dapatan kajian beliau melalui dua jenis ganjaran iaitu galakan motivasi dan ganjaran fizikal. Galakan secara motivasi didapati lebih berkesan kepada pelajar kolej berbanding untuk kanak-kanak, manakala ganjaran fizikal adalah lebih berkesan untuk meningkatkan motivasi intrinsik kepada kanak-kanak berbanding pelajar kolej. Dapatan kajian ini juga menyokong teori SDT yang menunjukkan pemberian ganjaran fizikal tidak akan memberi kesan yang signifikan kepada motivasi intrinsik pelajar jika aktiviti pembelajaran adalah membosankan atau tidak dapat menarik minat pelajar. Oleh itu, kajian ini mencadangkan usaha untuk menaikkan motivasi seperti membina suasana pembelajaran yang menarik akan lebih bermakna daripada usaha memberikan ganjaran fizikal kepada pelajar.

Beberapa kajian yang bertujuan untuk menguji proposisi teori motivasi telah dilakukan di pelbagai peringkat akademik. Antaranya kajian yang dilakukan oleh Turner, Chandler dan Heffer (2009) di kalangan pelajar universiti bidang psikologi di 'Southwestern United States'. Kajian tersebut dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti motivasi pelajar terhadap pencapaian akademik dengan menggunakan komposisi SDT yang terdiri daripada motivasi instrinsik (*intrinsic motivation*), motivasi ekstrinsik (*extrinsic motivation*) dan amotivation. Kajian Turner et al. (2009) telah menggunakan instrumen *The Academic Motivation Scale-College Version* (AMS-C) yang telah dibangunkan oleh Vallerand et al. (1992) bagi mengukur motivasi pelajar, manakala GPA digunakan untuk mengukur pencapaian akademik pelajar. Seramai 264 responden telah dipilih di kalangan undergraduate students dalam kajian ini. Turner et al. (2009) menyimpulkan bahawa hasil kajian mereka adalah menyokong kajian SDT yang menyatakan bahawa terdapat hubungan antara motivasi instrinsik dengan kejayaan pencapaian akademik pelajar. Selain itu, pengkaji juga mencadangkan bahawa pihak pengurusan kolej haruslah memainkan peranan yang penting untuk menjadikan pelajar bermotivasi dengan mewujudkan cara pembelajaran yang lebih efektif dan secara tidak langsung meningkatkan kecemerlangan akademik di kalangan pelajar.

Selain itu, kajian Radovan (2011) juga telah dijalankan bertujuan untuk mengetahui bagaimanakah motivasi pelajar dan strategi pembelajaran dapat mempengaruhi pencapaian akademik yang cemerlang di kalangan pelajar jarak jauh. Kajian ini melibatkan sampel seramai 319 orang pelajar yang terdiri daripada beberapa universiti di Turki. Walaubagaimanapun, kajian ini memilih untuk menggunakan teori motivasi yang dikenali Self Regulated Learning (SRL) yang telah diperkenalkan oleh Pintrich di mana teori ini menerangkan bagaimana pelajar boleh mengatur diri sendiri, memantau dan mengurus cara pembelajaran mereka untuk memperoleh pencapaian akademik yang cemerlang. Alat ukur yang digunakan ialah *The Motivated Strategies for Learning Questionnaires* (MSLQ) yang telah dibina oleh Pintrich, Smith, Gracia dan McKeachie, 1991 bagi mengukur motivasi pelajar dan kepelbagaian cara pembelajaran di kalangan responden. Seterusnya, kriteria untuk pencapaian akademik diukur melalui bilangan ujian yang dapat dilaksanakan oleh pelajar, kekerapan pelajar mengulang ujian dan purata nilai gred. Pelajar yang mempunyai motivasi instrinsik dan penilaian sendiri yang tinggi memperoleh skor pencapaian yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar yang lain. Di akhir kajian, pengkaji mencadangkan kajian lanjutan dengan menggunakan teori yang sama perlu dijalankan terhadap kelompok pelajar yang berlainan bagi menguji elemen motivasi menerusi Self Regulated Learning (SRL) teori.

Sejajar dengan itu, Goodman et al. (2011) juga telah menjalankan kajian yang berkaitan hubungan di antara motivasi pelajar dengan pencapaian akademik berdasarkan usaha mereka. Kajian ini melibatkan populasi kajian seramai 4,142 dan responden yang dipilih adalah seramai 254 yang terdiri daripada pelajar universiti jurusan bidang perniagaan di Western Cape. Pengkaji telah menggunakan soal selidik secara online yang dibangunkan oleh beberapa orang pengkaji terdahulu seperti Moneta dan Spada (2009), Pintrich, Smith, Garcia dan McKeachie (1991) dengan sedikit pengubahsuaian bagi mengukur konstruk motivasi. Bagi pencapaian akademik pula, pengkaji memilih untuk menggunakan faktor GPA sebagai alat ukur. Setelah analisis regrasi berbilang dijalankan, kajian Goodman et al. (2011) mendapati bahawa pencapaian akademik adalah memberi kesan secara positif daripada motivasi instrinsik dan usaha pelajar. Secara keseluruhannya, kajian ini menyatakan motivasi instrinsik dan usaha pelajar adalah peramal yang kuat terhadap pencapaian akademik pelajar. Namun begitu, pengkaji juga mencadangkan kajian yang berbentuk longitudinal study patut dijalankan kerana tempoh kajian yang lama membolehkan pengkaji mengikuti tempoh pengajian responden yang lebih lama.

Walaupun dapatan-dapatan kajian oleh Turner et al. (2009), Afzal et al. (2010), Radovan (2011), Goodman et al. (2011) menunjukkan hasil yang positif dan hubungan yang signifikan antara konstruk motivasi dengan pencapaian akademik, namun terdapat juga kajian lain oleh Nurul Ain dan Azizi (2012) yang menyatakan bahawa hubungan motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar adalah sangat lemah. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengetahui hubungan antara motivasi pembelajaran, gaya keibubapaan dan sikap dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar sekolah. Seramai 291 orang pelajar di lapan buah sekolah menengah di daerah Kulai, Johor terlibat sebagai responden kajian. Pengkaji membangunkan sendiri alat ukur yang digunakan untuk mengukur motivasi pelajar yang terdiri daripada konstruk intrinsik dan ekstrinsik. Dapatan yang agak berbeza ini mungkin disebabkan oleh pengkaji membangunkan soal selidik sendiri dan tidak menggunakan soal selidik yang telah dibangunkan sepenuhnya oleh pengkaji terdahulu.

Namun begitu, dapatan kajian sebelumnya oleh Siti Liyana dan Mei (2008) juga selari dengan hasil kajian oleh Nurul Ain dan Azizi (2012) yang menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi intrinsik dan ekstrinsik pelajar dengan pencapaian akademik. Siti Liyana dan Mei (2008) menjalankan kajian terhadap pelajar pendidikan jarak jauh di Universiti Sains Malaysia yang berjumlah 5,053 di mana bilangan responden terdiri daripada 116 orang. Responden yang terlibat adalah pelajar Fakulti Sains (N=54) dan Fakulti Ilmu Kemanusiaan (N=62). Kajian yang berbentuk tinjauan deskriptif ini menggunakan alat ukur yang

dibangunkan oleh pengkaji terdahulu iaitu Lepper (2005) dan diterjemahkan kepada Bahasa Melayu. PNGK pula digunakan sebagai pengukur kepada pencapaian akademik pelajar. Hasil kajian menunjukkan nilai $r=0.156$ yang menunjukkan hubungan motivasi intrinsik dengan pencapaian akademik adalah sangat lemah dan bagi hubungan motivasi ekstrinsik dengan pencapaian akademik pelajar, nilai $r=0.094$ yang menunjukkan bahawa hubungannya yang sama iaitu sangat lemah dan boleh diabaikan. Ini menunjukkan walaupun tahap motivasi pelajar tersebut adalah tinggi atau rendah tetapi ianya tidak berkaitan dengan pencapaian akademik mereka.

Sejajar dengan itu, Goodman et al. (2011) juga telah menjalankan kajian yang berkaitan hubungan di antara motivasi pelajar dengan pencapaian akademik berdasarkan usaha mereka. Kajian ini melibatkan populasi kajian seramai 4,142 dan responden yang dipilih adalah seramai 254 yang terdiri daripada pelajar universiti jurusan bidang perniagaan di Western Cape. Pengkaji telah menggunakan soal selidik secara *online* yang dibangunkan oleh beberapa orang pengkaji terdahulu seperti Moneta dan Spada (2009), Pintrich, Smith, Garcia dan McKeachie (1991) dengan sedikit pengubahsuaian bagi mengukur konstruk motivasi. Bagi pencapaian akademik pula, pengkaji memilih untuk menggunakan faktor GPA sebagai alat ukur. Setelah analisis regresi berbilang dijalankan, kajian Goodman et al. (2011) mendapati bahawa pencapaian akademik adalah memberi kesan secara positif daripada motivasi instrinsik dan usaha pelajar. Secara keseluruhannya, kajian ini menyatakan motivasi instrinsik dan usaha pelajar adalah peramal yang kuat terhadap pencapaian akademik pelajar. Namun begitu, pengkaji juga mencadangkan kajian yang berbentuk *longitudinal study* patut dijalankan kerana tempoh kajian yang lama membolehkan pengkaji mengikuti tempoh pengajian responden yang lebih lama.

Walaupun dapatan-dapatan kajian oleh Turner et al. (2009), Afzal et al. (2010), Radovan (2011), Goodman et al. (2011) menunjukkan hasil yang positif dan hubungan yang signifikan antara konstruk motivasi dengan pencapaian akademik, namun terdapat juga kajian lain oleh Nurul Ain dan Azizi (2012) yang menyatakan bahawa hubungan motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar adalah sangat lemah. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengetahui hubungan antara motivasi pembelajaran, gaya keibubapaan dan sikap dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar sekolah. Seramai 291 orang pelajar di laman buah sekolah menengah di daerah Kulai, Johor terlibat sebagai responden kajian. Pengkaji membangunkan sendiri alat ukur yang digunakan untuk mengukur motivasi pelajar yang terdiri daripada konstruk instrinsik dan ekstrinsik. Dapatan yang agak berbeza ini mungkin disebabkan oleh pengkaji membangunkan soal selidik sendiri dan tidak menggunakan soal selidik yang telah dibangunkan sepenuhnya oleh pengkaji terdahulu.

Namun begitu, dapatan kajian sebelumnya oleh Siti Liyana dan Mei (2008) juga selari dengan hasil kajian oleh Nurul Ain dan Azizi (2012) yang menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi intrinsik dan ekstrinsik pelajar dengan pencapaian akademik. Siti Liyana dan Mei (2008) menjalankan kajian terhadap pelajar pendidikan jarak jauh di Universiti Sains Malaysia yang berjumlah 5,053 di mana bilangan responden terdiri daripada 116 orang. Responden yang terlibat adalah pelajar Fakulti Sains ($N=54$) dan Fakulti Ilmu Kemanusiaan ($N=62$). Kajian yang berbentuk tinjauan deskriptif ini menggunakan alat ukur yang dibangunkan oleh pengkaji terdahulu iaitu Lepper (2005) dan diterjemahkan kepada Bahasa Melayu. PNGK pula digunakan sebagai pengukur kepada pencapaian akademik pelajar. Hasil kajian menunjukkan nilai $r=0.156$ yang menunjukkan hubungan motivasi intrinsik dengan pencapaian akademik adalah sangat lemah dan bagi hubungan motivasi ekstrinsik dengan pencapaian akademik pelajar, nilai $r=0.094$ yang menunjukkan bahawa hubungannya yang sama iaitu sangat lemah dan boleh diabaikan. Ini menunjukkan walaupun tahap motivasi pelajar tersebut adalah tinggi atau rendah tetapi ianya tidak berkaitan dengan pencapaian akademik mereka. Pengkaji terdahulu juga telah membuat perbandingan antara motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik ini. Bagi memudahkan kajian terhadap motivasi intrinsik dan ekstrinsik ini


dilakukan maka kaedah pengukuran yang bersesuaian perlulah dibina supaya dapat menentukan tahap pengaruh antara kedua-dua jenis motivasi. Harter (1981) telah dapat menghasilkan item-item yang boleh mengukur tahap motivasi intrinsik dan ekstrinsik di kalangan pelajar. Terdapat beberapa kajian yang menggunakan item-item soal selidik yang telah dibangunkan oleh Harter ini bagi mengkaji pengaruh motivasi intrinsik dan ekstrinsik terhadap pelajar. Contohnya Lepper, Corpus, dan Iyengar (2005) telah menggunakan soal selidik yang dihasilkan oleh Harter untuk membuat kajian tentang "*Intrinsic and Extrinsic Motivational Orientations in the Classroom: Age Differences and Academic Correlates*". Dapatan kajian telah dapat membuktikan bahawa hubungan korelasi antara motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik mempunyai perhubungan negatif ($r = -.24, p < .01$). Manakala hubungan antara motivasi intrinsik dengan pencapaian pelajar telah menunjukkan perhubungan yang positif ($r = .34, p < .001$). Perhubungan korelasi antara motivasi ekstrinsik dengan pencapaian pelajar pula telah menunjukkan perhubungan yang negatif ($r = -.23, p < .01$) (Lepper et al., 2005).

Kajian John (2006) yang menunjukkan hubungan langsung antara kesedaran metakognisi dengan motivasi dan pencapaian dan hubungan tidak langsung antara motivasi dengan pencapaian adalah selaras dengan kajian lepas mengenai hubungan antara pembolehubah berkenaan. Antaranya ialah kajian oleh Landine dan Stewart (1998) yang melaporkan hubungan langsung antara motivasi dengan kesedaran metakognisi dan kajian oleh Lee (1997) yang melaporkan hubungan tidak langsung antara motivasi dengan pencapaian melalui pembolehubah lain.

Noraini (2008) mengatakan bahawa pembelajaran yang berkesan wujud jika ada minat dalam kalangan pelajar dan salah satu daripada cara menimbulkan minat pelajar ialah menerusi kaedah pengajaran dan aktiviti pembelajaran yang menarik. Hadiah Senin (1997), dalam kajiannya mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Sejarah yang dilakukan terhadap 250 orang pelajar termasuk pelajar Melayu, Cina dan India dari lima buah sekolah di Batu Pahat Johor mendapati bahawa pelajar-pelajar yang baik pencapaiannya dalam mata pelajaran Sejarah adalah pelajar yang mempunyai minat terhadap mata pelajaran tersebut. Adnan (1987) mendapati sikap pelajar terhadap sesuatu subjek mempunyai hubungan yang penting dengan pencapaian akademik mereka. Menurut Aminah (2008), dalam kajiannya mendapati bahawa sikap pelajar Melayu terhadap pembelajaran kurang menggalakkan apabila 73 peratus tidak suka membuat latihan tambahan, 50 peratus gagal menyelesaikan kerja rumah dan 48 peratus terlalu bergantung kepada guru (Utusan Malaysia, 2008).

Berdasarkan TEK dan kajian yang telah dibuat oleh Lepper, Corpus, dan Iyengar (2005), ini jelas menunjukkan bahawa semakin banyak pengaruh motivasi ekstrinsik diberikan kepada pelajar seperti ganjaran yang berbentuk wang akan menyebabkan semakin menurun tahap motivasi intrinsik pelajar dan apabila tahap motivasi intrinsik pelajar semakin rendah, akan menyebabkan pula pencapaian pelajar turut merosot.

METODOLOGI



Kajian ini adalah kajian kuantitatif. Instrumen kajian ini adalah menggunakan set borang soal selidik. Satu set soalan borang soal selidik dibangunkan oleh pengkaji dan set soalan borang soal selidik dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu: (i) profil responden seperti umur dan jantina, (ii) tiga jenis konstruk motivasi dan (iii) pencapaian akademik pelajar (Himpunan Purata Nilai Gred). Konstruk motivasi akan diukur berasaskan model *Self-Determination Theory* (SDT). Penyelidik memilih alat ukur *Academic Motivation Scale* (AMS) kerana alat ukur ini dikatakan sah dan boleh dipercayai untuk mengukur motivasi pelajar (Vallerand, Pelletier, Blais, Senecal & Vallieres, 1992). Tempoh menjawab borang soal selidik ini dianggarkan mengambil masa 15 hingga 20 minit sahaja. Terdapat 28 item yang terdiri daripada tujuh sub topik yang mewakili tiga konstruk motivasi. Motivasi intrinsik terdiri daripada tiga sub topik (*to know, toward accomplishment, to experience stimulation*), motivasi ekstrinsik juga terdiri daripada tiga sub topik (*identified, introjected, external regulation*) dan *amotivation*. Setiap sub topik adalah terdiri daripada empat soalan (Vallerand et al., 1992). Skala tujuh mata yang diwakili oleh 1 (Sangat Tidak Setuju) hingga 7 (Sangat Setuju) untuk mengukur motivasi pelajar.

Pencapaian akademik pelajar pula akan diukur dengan menggunakan Himpunan Purata Nilai Gred (HPNG) yang terkini oleh para pelajar dan disemak semula oleh Unit Peperiksaan di Kolej Komuniti Arau. Nilai HPNG adalah berdasarkan kepada pengiraan Jumlah SEMUA Nilai Kredit kursus sehingga terkini (JNK) bahagi Jumlah SEMUA Jam Kredit sehingga terkini (JJK) ($HPNG = \frac{\sum NMG_{Kursus}}{\sum Kursus}$). Nilai mata gred telah ditetapkan oleh Bahagian Peperiksaan dan Penilaian, Jabatan Pengajian Kolej Komuniti Kementerian Pendidikan Malaysia ialah 4.00 mewakili Gred A, 3.67 (A-), 3.33 (B+), 3.00 (B), 2.67 (B-), 2.33 (C+), 2.00 (C) dan 0.00 (F) (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2011).

Kajian Rintis

Sebelum kajian yang sebenar dijalankan, satu kajian rintis telah dibuat bertujuan untuk mengkaji kebolehpercayaan dan kesahihan instrumen soalan yang dibentuk. Selain itu, kajian rintis dilakukan untuk memastikan bahawa soalan yang dikemukakan mudah difahami, konsep yang digunakan adalah jelas, tidak mengelirukan dan menjurus kepada menjawab objektif kajian. Ujian kesahan dan kebolehpercayaan borang soal selidik dijalankan terhadap 30 orang sampel pelajar melalui kaedah *pilot test*. Para pelajar terlebih dahulu diberi penerangan oleh pengkaji tentang tujuan kajian ini dijalankan sebelum menjawab borang soal selidik yang telah diberikan sebagai *pilot test* sebelum kajian sebenar dijalankan. Kesahan borang soal selidik disahkan dengan menggunakan *eigenvalue* sama dengan atau melebihi satu ($eigenvalue \geq 1$) dan *confirmatory factor analysis* (CFA) dengan nilai setiap *variance* adalah melebihi 51% (CFA > 51%) bagi setiap item soalan. Kebolehpercayaan borang soal selidik diuji dengan menggunakan *Cronbach's alpha* ($\alpha > 0.72$). Korelasi Spearman digunakan untuk menguji hipotesis nol hubungan motivasi dengan pencapaian akademik pelajar. Nunnally (1978) menyarankan

bahawa nilai 0.6 hingga 0.8 adalah ukuran nilai yang lazimnya diterima manakala nilai 0.8 ke atas adalah terbaik. Menurut Kerlinger (1973), satu kajian yang amat tinggi kebolehpercayaannya akan mempunyai ciri-ciri yang stabil, ketekalan, keramalan dan ketepatan. Keputusan analisis yang diperolehi menunjukkan pekali kebolehpercayaan *Cronbach's Alpha* adalah 0.883. Ini menunjukkan nilai kebolehpercayaan instrumen adalah memuaskan dan terbaik.

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan objektif yang mempengaruhi kajian ini, empat hipotesis telah dibangunkan untuk diuji bagi mendapatkan kajian yang lengkap iaitu: -

- Ho1 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi intrinsik dengan pencapaian akademik pelajar di Kolej Komuniti Arau.
- Ho2 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi ekstrinsik dengan pencapaian akademik pelajar di Kolej Komuniti Arau.
- Ho3 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara amotivation dengan pencapaian akademik pelajar di Kolej Komuniti Arau.
- Ho4 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap pencapaian akademik pelajar di Kolej Komuniti Arau berdasarkan jantina.

Jadual 1 Item Soalan Tahap Motivasi Intrinsik

Item Soalan	Min	Sisihan Piawai
I1	6.04	1.03
I2	5.24	1.19
I3	6.20	0.78
I4	5.72	1.03
I5	4.78	1.56
I6	5.78	1.02
I7	6.36	0.78
I8	5.04	1.34
I9	5.70	1.00
I10	6.32	0.79
I11	5.56	1.07
I12	5.68	1.06
Jumlah	5.70	0.70

Berdasarkan Jadual 1, dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhan skor min persepsi pelajar terhadap motivasi intrinsik. Secara keseluruhannya, persepsi pelajar terhadap motivasi intrinsik adalah berada pada tahap tinggi ($M = 5.70$, $SP = 0.70$) mengikut interpretasi min oleh Landell (1997).

Jadual 2 Item Soalan Tahap Motivasi Ekstrinsik

Item Soalan	Min	Sisihan Piawai
E1	5.22	1.40
E2	6.16	0.79
E3	6.00	1.14
E4	6.02	0.92
E5	5.94	1.02
E6	5.80	0.97

E7	6.54	0.58
E8	6.28	0.73
E9	5.22	1.17
E10	6.04	0.99
E11	6.16	0.77
E12	6.44	0.73
Jumlah	5.99	0.66

Berdasarkan Jadual 2, dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhan skor min persepsi pelajar terhadap motivasi ekstrinsik. Secara keseluruhannya, persepsi pelajar terhadap motivasi ekstrinsik adalah berada pada tahap tinggi ($M = 5.99$, $SP = 0.66$) mengikut interpretasi min oleh Landell (1997).

Jadual 3 Item Soalan Tahap *Amotivation*

Item Soalan	Min	Sisihan Piawai
A1	1.98	0.94
A2	2.86	1.91
A3	1.64	0.75
A4	1.60	0.76
Jumlah	2.02	0.79

Berdasarkan Jadual 3, dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhan skor min persepsi pelajar terhadap *amotivation*. Secara keseluruhannya, persepsi pelajar terhadap *amotivation* adalah berada pada tahap rendah ($M = 2.02$, $SP = 0.79$) mengikut interpretasi min oleh Landell (1997).

Jadual 4 Min dan Sisihan Piawai Pencapaian Akademik

	N	Minimum	Maksimum	Min	Sisihan Piawai
HPNG	50	3.07	3.95	3.66	0.21

Berdasarkan Jadual 4, tahap pencapaian akademik di kalangan pelajar Kolej Komuniti Arau adalah berada pada tahap Kejujangan ($M = 3.66$, $SP = 0.21$). Nilai mata gred yang telah ditetapkan oleh Bahagian Peperiksaan dan Penilaian Jabatan Pengajian Kolej Komuniti Kementerian Pendidikan Malaysia ialah Cemerlang (3.67 – 4.00), Kejujangan (3.00 – 3.66), Baik (2.00 – 2.99), Lulus Bersyarat (1.00 – 1.99) dan Gagal (< 1.00).

Pengujian Hipotesis

Ho1 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi intrinsik dengan pencapaian akademik pelajar di KKA

Jadual 5 Korelasi Spearman Rho Antara Motivasi Intrinsik dengan Pencapaian Akademik Pelajar

	Intrinsik	Pencapaian Akademik
Correlation Coefficient	1.000	.058
Sig. (2-tailed)		.687
N	50	50

Dapatan analisis korelasi dalam Jadual 5 menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap motivasi intrinsik dengan pencapaian akademik pelajar ($k = 0.058$, $p > 0.05$). Maka hipotesis nol pertama dalam kajian ini tidak dapat ditolak. Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap motivasi intrinsik dengan pencapaian akademik pelajar di Kolej Komuniti Arau. Kesimpulannya, pencapaian akademik pelajar tidak dipengaruhi oleh tahap motivasi intrinsik.

Ho2 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi ekstrinsik dengan pencapaian akademik pelajar di KKA

Jadual 6 Korelasi Spearman Rho Antara Motivasi Ekstrinsik dengan Pencapaian Akademik Pelajar

	Ekstrinsik	Pencapaian Akademik
Correlation Coefficient	1.000	.061
Sig. (2-tailed)		.672
N	50	50

Dapatan analisis korelasi dalam Jadual 6 menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap motivasi intrinsik dengan pencapaian akademik pelajar ($k = 0.061$, $p > 0.05$). Maka hipotesis nol kedua dalam kajian ini tidak dapat ditolak. Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap motivasi ekstrinsik dengan pencapaian akademik pelajar di Kolej Komuniti Arau. Kesimpulannya, pencapaian akademik pelajar tidak dipengaruhi oleh tahap motivasi ekstrinsik.

Ho3 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara *amotivation* dengan pencapaian akademik pelajar di KKA

Jadual 7 Korelasi Spearman Rho Antara *Amotivation* dengan Pencapaian Akademik Pelajar

	Amotivation	Pencapaian Akademik
Correlation Coefficient	1.000	-.013
Sig. (2-tailed)		.931
N	50	50

Dapatan analisis korelasi dalam Jadual 7 menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap *amotivation* dengan pencapaian akademik pelajar ($k = -0.013$, $p > 0.05$). Maka hipotesis nol ketiga dalam kajian ini tidak dapat ditolak. Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap *amotivation* dengan pencapaian akademik pelajar di Kolej Komuniti Arau. Kesimpulannya, pencapaian akademik pelajar tidak dipengaruhi oleh tahap *amotivation*.

Ho4 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap pencapaian akademik pelajar di Kolej Komuniti Arau berdasarkan jantina.

Jadual 8 Keputusan Ujian-t Sampel Bebas Pencapaian Akademik Pelajar Berdasarkan Jantina

Jantina	N	Min	SP	dk	t	p
Lelaki	12	3.57	.260	48	-1.605	.115
Perempuan	38	3.69	.193			

Jadual 8 menunjukkan keputusan ujian-t sampel bebas pencapaian akademik mengikut jantina. Setelah analisis statistik t-sampel dilakukan, ujian *Levene* didapati tidak signifikan ($p > 0.05$). Keputusan ini menunjukkan varians antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan adalah sama dan telah memenuhi andaian kehomogenan varians antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan dalam pencapaian akademik pelajar. Setelah ujian-t sampel bebas dilakukan, didapati ia adalah tidak signifikan, $t(48) = -1.605$, $p > 0.05$. Oleh itu, hipotesis nol ini tidak boleh ditolak. Justeru, tidak terdapat perbezaan dalam tahap pencapaian akademik di kalangan pelajar Kolej Komuniti Arau berdasarkan jantina.

PERBINCANGAN

Berdasarkan keputusan kajian yang telah dijalankan, dapat dirumuskan bahawa tahap motivasi tidak mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Tinggi atau rendah tahap motivasi tidak semestinya menyebabkan pelajar berjaya atau sebaliknya secara signifikan. Namun, kajian hanya dijalankan di Kolej Komuniti Arau dan mengambil kira nilai gred pelajar sahaja. Keputusan kajian mungkin tidak sama jika kajian dibuat di institusi yang berbeza, menggunakan responden dan alat ukur yang berbeza serta kaedah penilaian pencapaian akademik yang berbeza. Antara lain objektif penubuhan Kolej Komuniti itu sendiri adalah bagi menyediakan laluan alternatif kepada pelajar lepasan menengah dan pelajar yang tercicir daripada pendidikan formal untuk mengikuti latihan dan pengajian dalam bidang-bidang teknikal dan vokasional termasuk perdagangan, pertanian, kesihatan dan lain-lain. Pelajar yang telah mendapat peluang kedua ini menggunakan sepenuhnya peluang yang ada untuk memperbaiki diri untuk berjaya ke tahap yang lebih tinggi. Pelajar diberi kemahiran secara *hands-on* dan dilatih serta dimurnikan tahap *soft skill* mereka di Kolej Komuniti.

KESIMPULAN

Walaupun kajian yang dijalankan ini hanya melibatkan 50 orang pelajar di Kolej Komuniti Arau dan tidak mewakili kesemua golongan remaja di Malaysia, satu kajian lanjutan perlu dilakukan terhadap populasi yang lebih besar bagi melihat sejauh manakah tahap motivasi pelajar dapat mempengaruhi pencapaian akademik mereka. Faktor amalan ini menjadi masalah kepada negara Malaysia agar satu tindakan yang efektif dapat dilakukan. Faktor budaya, bangsa dan latar belakang boleh diambil kira dalam kajian seterusnya. Berdasarkan penyelidikan yang dijalankan, dapatan kajian yang tidak signifikan ini menimbulkan satu persoalan yang menarik untuk diteliti lebih lanjut iaitu persoalan mengenai apakah punca sebenar para pelajar di Malaysia mendapat pencapaian yang tinggi namun tidak berjaya memenuhi kriteria dan kualiti pasaran kerjaya. Masalah yang wujud ini adalah sesuatu yang mengecewakan di mana pencapaian akademik pelajar tidak selaras dengan mutu pelajar setelah tamat pengajian. Justeru, dalam hal ini, pihak yang terlibat secara langsung disarankan agar tidak mengabaikan dapatan kajian ini dalam merangka kajian-kajian tindakan pada masa akan datang.

RUJUKAN

- Afzal, H., Ali, I., Khan, M. A., & Hamid, K. (2010). A Study of University Students' Motivation and Its Relationship with Their Academic Performance. *International Journal of Business and Management*, 5(4), 80-88.
- Bartlett, J. E., Kotrlik, J. W., & Higgins, C. C., (2001). Organizational Research: Determining Appropriate Sample Size in Survey Research. *Information Technology, Learning and Performance Journal*, 19(1), 43-50.

- Davis, K. D., Winsler, A., & Middleton, M., (2006). Students' Perceptions of Reward for Academic Performance by Parents and Teacher: Relations with Achievement and Motivation in College. *The Journal of Genetic Psychology*, 167(2), 211-220.
- Deci, E. L. (1975). *Intrinsic Motivation*. New York: Plenum Press.
- Deci, E. L., & Ryan, R. M. (1985). *Intrinsic Motivation and Self-Determination in Human Behaviour*. New Your: Plenum.
- Deci, E. L., & Ryan, R. M. (1991). A Motivational Approach to Self: Integration in Personality. In R. Dienstbier (Ed), *Nebraska Symposium on motivation* (vol. 36, pp. 237-288). Lincoln: University of Nebraska Press.
- Edward, L. Deci, Richard K. & Richard M. R. (2001). Extrinsic Rewards and Intrinsic Motivation in Education. *Educational Research*, Vol. 71, No. 1, 1-27.
- Goodman, S., Jaffer, T., Keresztesi, M., Mamdani, F., Mikgatle, D., Musariri, M., Pires, J., & Schlecter, A. (2011). An Investigation of the Relationship between Students' Motivation and Academic Performance as Mediated by Effort. *South African Journal of Psychology*, 41(3), 373-385.
- Harter, S. (1981). A New Self-Report Scale of Intrinsic versus Extrinsic Orientation in the Classroom: Motivational and Informational Components. *Developmental Psychology*, 17(3), 300-312.
- Kamaei, A. & Weisani, M. (2013). The Relationship between Achievement Motivation, Critical Thinking and Creative Thinking with Academic Performance. *Indian Journal of Fundamental and Applied Life Sciences*, Vol. 3(4), 121-127.
- Khoshnam, A. H., Ghamari, M. & Gendavani, A. G. (2013). The Relationship between Intrinsic Motivation and Happiness with Academic Achievement in High School Students. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, Vol. 3(11), 330-336.
- Krejcie, V. D., & Morgan, W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.
- Lepper, M. R., Corpus, J. H., & Iyengar, S. S. (2005). Intrinsic and Extrinsic Motivational Orientations in the Classroom: Age Differences and Academic Correlates. *Journal of Educational Psychology*, 97(2), 184-196.

